

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96

Mac/April 1996

HSM 211 Sejarah Sosio-Ekonomi Malaysia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNG LAPAN (8) SOALAN DI DALAM DUA (2) HALAMAN.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

1. "Perubahan jangka panjang tren kependudukan di Semenanjung Malaysia (1600 - 1940) menggambarkan perkembangan ekonomi yang pesat." Jelaskan.
2. Sejauh manakah undang-undang tanah yang telah dikenalkan oleh pihak British di Malaysia telah mengubah aktiviti ekonomi peribuminya sebelum 1920 an?
3. "Penjajahan telah meletakkan negara yang dijajah di pinggiran 'matahari ekonomi'". E.J.Hobsbawm, Industry And Empire. New York, Pelican Books, 1969, hal. 136.

Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan di atas jika anda hubungkan dengan perkembangan industri bijih timah di Semenanjung Malaysia di antara 1870 hingga 1940?

4. Rancangan Sekatan Getah Antara bangsa pada 1930 an sangat perlu untuk menyelamatkan industri getah semasa kemelesetan ekonomi dunia.

Bahaskan kesannya ke atas ekonomi penduduk-penduduk tempatan di Malaysia.

5. Pengeluaran ekonomi eksport di Malaysia telah mengukuhkan corak kependudukan mengikut kaum-kaum tertentu. Bahaskan.

6. "Pembangunan infrastruktur bukanlah merupakan pra syarat kepada pembangunan ekonomi eksport." P.T.Bauer, Reality And Rhetoric. London, Weidenfeld and Nicolson, 1985, hal. 4.

Dengan merujuk kepada pembangunan jalan keretapi dan jalanraya di Malaysia, sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?

7. Pendirian pentadbir-pentadbir Barat mengenai sistem pendidikan peribumi sama ada di Malaysia Barat maupun di Malaysia Timur adalah sama, iaitu, yang sesuai dengan cara hidup dan alam keliling mereka.

Bahaskah pernyataan di atas dengan merujuk kepada sistem pendidikan bagi peribumi dan hubungannya dengan aktiviti ekonomi mereka.

8. Dasar pro-kapitalis kerajaan British di Semenanjung Malaysia semasa kemelesetan ekonomi dunia pada 1930 an, kurang membantu keadaan ekonomi penduduk-penduduk tempatan. Bahaskan.

--000000000--